



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATO' ROSOL BIN WAHID
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN
“JADIKAN HALAL PILIHAN UTAMA ANDA”

PADA
23 JUN 2022 (KHAMIS)

TEMPAT
PASARAYA LOTUS'S AMPANG

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Assalamualaikum WBTH, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Yang Berusaha Encik Kenneth Chua,
Presiden Lotus's Malaysia

Yang Berusaha Encik Hairol Ariffien Sahari,
Ketua Pegawai Eksekutif Halal Development Corporation (HDC)

Yang Berusaha En Ariffin Samsudin,
Pengarah KPDNHEP Wilayah Kuala Lumpur

Yang Berusaha En Muhamad Hanif Asa'ari,
Pengarah Sekretariat Perdagangan, Penedaran Perniagaan
dan Industri Perkhidmatan KPDNHEP

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Pihak Pengurusan Lotus's Malaysia

Para usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Rakan-rakan media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya
hormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu dan berkumpul bagi menjayakan **Majlis Pelancaran Kempen “Jadikan Halal Pilihan Utama Anda”** di Pasaraya Lotus’s pada pagi ini.
2. Saya ingin memulakan ucapan ini dengan merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kesudian Lotus’s dan Halal Development Corporation (HDC) menjemput saya untuk menyempurnakan majlis perasmian kempen pada hari ini.
3. Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada Lotus’s dan HDC atas kerjasama strategik menggerakkan kempen yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran produk halal Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di pasaraya besar serta memperkukuhkan penjenamaan digital produk PMKS. Saya difahamkan, kempen ini adalah salah satu daripada inisiatif Bajet 2022 HDC. Tentunya ia merupakan satu langkah progresif yang akan dapat membantu mempercepatkan lagi pengembangan industri peruncitan halal negara.

4. Saya dimaklumkan bahawa selain pasar raya Lotus's, HDC turut menjalin kerjasama strategik dengan pasar raya besar lain untuk mengadakan kempen "**Jadikan Halal Pilihan Utama Anda**". Kempen ini akan berlangsung selama 3 bulan di semua 64 cawangan pasar raya Lotus's dengan melibatkan sejumlah 71 pembekal halal tempatan yang merangkumi 389 jenis Stock Keeping Unit (SKU). Saya berharap menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang kempen ini termasuk pensampelan produk, promosi harga, serta pengiklanan di media cetak dan sosial dapat membantu PMKS halal tempatan untuk lebih pantas berkembang. Setinggi-tinggi tahniah juga buat semua 16 syarikat pengeluar PMKS halal tempatan yang telah merebut peluang dan menyertai program pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Saya melihat inisiatif murni ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk mempromosikan produk keluaran tempatan melalui Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Citarasa Malaysia. Kempen membeli produk halal juga sebagai salah satu elemen untuk mempromosi produk Buatan Malaysia dan boleh menjadi

tarikan kepada pengguna, bukan sahaja yang beragama Islam tetapi juga yang bukan Islam.

6. Di KPDNHEP, bagi memastikan Kempen Beli Barangan Malaysia atau KBBM termasuklah pasaran produk halal mencapai sasaran ditetapkan, ia dilaksanakan dan dipromosi meliputi platform yang meluas merangkumi rangkaian pusat beli belah, pasar raya besar dan kedai serbaneka, selain menjalin kerjasama dengan *market place* dalam talian utama di Malaysia seperti Lazada, Shopee, PG Mall, Shoppymore dan Go Go Pasar.
7. Kerjasama dengan platform *market place* ini merekodkan pencapaian sangat memberangsangkan. Pelaksanaan KBBM pada tahun **2020** telah menyaksikan penjualan barangan tempatan yang bernilai **RM3.3 billion** dengan bilangan SKU keseluruhan berjumlah **326,154 SKU**. Walaupun rekod menunjukkan penurunan pada tahun **2021** dengan sebanyak **173,239 SKU** berjaya dijual di pelbagai rangkaian pasaraya besar, pasar raya, kedai serbaneka dan kedai serbaneka di stesen minyak dengan nilai keseluruhan sebanyak **RM3,08 billion**, ia masih satu **pencapaian yang membanggakan**. Penurunan ini berikutan kuasa membeli yang rendah di kalangan pengguna berikutan kesan pandemik COVID-19.

8. Bagi pelaksanaan KBBM melalui *marketplace* pula, bagi tahun **2020**, sebanyak **281,864 SKU** telah berjaya dijual dengan nilai **RM145.7 juta**. Namun, pada tahun **2021**, walaupun jumlah SKU yang dicatatkan adalah tinggi iaitu sebanyak **1.07 juta SKU**, jumlah hasil jualan dicatatkan sebanyak **RM142.4 juta**.

9. Pembangunan produk halal PMKS sedia ada adalah penting kerana ia mempunyai potensi pasaran yang besar bukan sahaja di dalam negara bahkan di peringkat global. PMKS harus mengambil peluang dan kemudahan fasilitasi yang ditawarkan oleh HDC untuk menambahbaik kualiti produk dan seterusnya dapat bersaing dengan produk halal keluaran syarikat besar tempatan dan antarabangsa di rangkaian pasaraya besar dan terkemuka.

10. Saya ingin berkongsi di sini, menerusi KBBM, KPDNHEP turut melaksanakan Program Pembangunan Produk (PPP) untuk mempertingkatkan peluang peniaga dan PMKS menembusi pasar raya besar tempatan dan asing, sekali gus mampu bersaing dan setanding dengan produk luar negara. Di bawah PPP KPDNHEP akan memberikan bantuan kemahiran dan panduan untuk para usahawan kecil dan sederhana membangunkan produk yang berpotensi untuk dipromosi dan dipasarkan di rak utama

pasar raya tempatan dan asing dalam negara. Sejak PPP dilaksanakan pada 2016, hamper 150 syarikat membabitkan 267 jumlah SKU telah berjaya menembusi pasar raya besar asing. Mereka kini mampu bersaing dengan syarikat besar terutama dari luar negara untuk meletakkan produk mereka di rak pameran utama di pasar raya besar asing di negara ini.

11. Usaha HDC dan Lotus's ini juga amat tepat pada masanya ketika impak pandemik COVID-19 memberi gangguan kepada jualan dan pasaran produk halal. Saya percaya, kempen "*Jadikan Halal Pilihan Utama*" ini dapat menjadi sokongan buat PMKS halal di negara ini untuk lebih menonjol dalam rangkaian pemasaran sama ada secara konvensional mahupun atas talian.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

12. Pemasaran produk halal tempatan melalui pasar raya berangkaian antarabangsa seperti Lotus's dilihat dapat meningkatkan jumlah jualan produk tempatan kerana kesedaran pengguna terhadap kepentingan mengutamakan produk halal di Malaysia telah meningkat. Langkah ini juga diyakini akan dapat membantu mengurangkan jurang prestasi jualan dan permintaan

produk halal tempatan berbanding produk halal keluaran produk halal dari luar negara.

13. Sebagai sebuah syarikat peneraju bidang peruncitan dalam negara, pasar raya Lotus's memainkan peranan yang penting dalam usaha membuka peluang perniagaan kepada usahawan syarikat pembekal halal PMKS tempatan. Terima kasih kepada Lotus's kerana komited membantu dalam menjayakan usaha ini.
14. KPDNHEP selaku Kementerian yang menjaga kepentingan pengguna sentiasa memastikan semua pasaran produk halal di dalam negara mematuhi peraturan di bawah peruntukan Akta Perihal Dagangan 2011, supaya produk halal di pasaran adalah tulen, disahkan oleh badan pensijilan Halal Malaysia dan meyakinkan pengguna terutama yang beragama Islam.
15. Di bawah akta ini, sejumlah 320 kes berkait isu halal telah direkodkan Bahagian Penguat Kuasa sejak 2018 hingga Mei 2022 membabitkan nilai rampasan RM11.8 juta dengan sebahagian besarnya membabitkan produk makanan. Kementerian tidak berkompromi terhadap pihak yang menyalahi akta ini kerana isu halal ini membabitkan kepentingan umat Islam yang perlu dipelihara dengan

setegas-tegasnya.

16. Dalam merencanakan lagi pertumbuhan PMKS halal tempatan, saya ingin menyeru PMKS halal tempatan untuk memperkasakan aspek pendigitalan dalam strategi pemasaran mereka. Selaras kemajuan teknologi, kita perlu akur dengan kecenderungan pengguna mutakhir ini yang semakin beralih kepada transaksi jual beli dalam talian. Dapat dilihat transaksi jual beli dalam talian mencatatkan lonjakan ketara sehingga RM2.5 billion pada 2020, berbanding RM1.7 billion pada 2019. Ini membuktikan transformasi pendigitalan penting dalam membantu mempertingkatkan capaian pasaran berbanding pergantungan kepada strategi pemasaran tradisional secara fizikal di premis.
17. Oleh itu, peluang sebagaimana ditawarkan Lotus's dan HDC menerusi kempen ini wajar dioptimumkan oleh PMKS untuk mencapai lonjakan ekosistem produk halal tempatan.
18. Kementerian amat menggalakkan semua industri peruncitan terutama pasar raya besar untuk bersama-sama mempromosikan produk halal tempatan yang mempunyai potensi yang cukup besar dalam pasaran global pada masa ini. Dalam masa yang sama, Kementerian akan terus

komited untuk mempromosi produk-produk halal khususnya produk tempatan melalui Program KBBM, Program Jualan Malaysia dan Program Francais Luar Negara yang telah berjaya memanfaatkan pemain industri ini.

Hadirin yang dihormati,

19. Adalah diharapkan agar Kempen “**Jadikan Halal Pilihan Utama Anda**” ini mampu memberi impak positif dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing antara PMKS. Pelbagai usaha perlu terus dilaksanakan sehingga produk-produk mereka menjadi pilihan utama pengguna.
20. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Lotus’s dan HDC di atas usahasama ini. Semoga dengan kerjasama ini dapat menarik lebih ramai pembekal tempatan untuk mendapatkan pensijilan Halal bagi produk mereka dan seterusnya mampu meluaskan pasaran produk ke negara luar.
21. Di samping itu, saya juga menyeru supaya pengguna supaya terus mengutamakan produk-produk tempatan sebagai pilihan mereka kerana produk kualiti keluaran tempatan adalah setanding bahkan mungkin lebih baik

daripada produk import.

22. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin merakamkan tahniah kepada semua pengusaha dan pembekal produk halal yang telah berjaya memasarkan produk di pasaraya Lotus's. Syabas sekali lagi kepada semua pihak yang menjayakan kempen ini.

23. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan:

“Kempen Jadikan Halal Pilihan Utama Anda”

Di Pasar Raya Lotus's Stores